


Batu terukir tahun binaan Ulu Camii, iaitu tahun 1399.



Jejak Warisan Kota Bursa

► Hafiza Harun

Kota Bursa ternyata menyimpan seribu satu khazanah sejarah dan warisan budaya bangsa. Oleh sebab Bursa agak kurang popular berbanding dengan kota besar seperti Istanbul dan Ankara, amatlah elok dikongsikan sedikit informasi ringkas yang boleh dijadikan panduan bersama.

Secara geografinya, Bursa terletak di barat laut Turkiye dan mempunyai kepadatan penduduk lebih dua juta orang, serta merupakan bandar keempat terbesar di Turkiye. Sumber ekonomi bagi rakyat tempatan adalah melalui perusahaan automotif dan alat ganti bagi

jenama terkemuka Eropah. Selain itu, Bursa juga merupakan pengeluar produk tenusu yang membuka peluang pekerjaan yang luas kepada penduduknya. Pelancongan juga menjadi satu daripada aktiviti yang menyumbang kepada kepesatan ekonomi kerana pelbagai daya tarikan yang wujud di kota ini.

Tapak tinggalan sejarah

Tinggalan warisan empayar Byzantium dan Uthmaniyyah yang masih utuh menjadi suatu inspirasi yang wajar diberikan perhatian. Oleh sebab penulis pernah ke Bursa pada awal tahun 2017, itinerari kali ini lebih tertumpu ke kawasan yang belum dilawati. Lokasi ikonik Bursa, iaitu Gunung Uludag sememangnya menjadi tumpuan ramai terutamanya untuk aktiviti ski ais


ketika musim sejuk. Perjalanan ke destinasi ini sekitar bulan Jun dan Julai agak kurang menarik bagi sesetengah pelancong. Pengangkutan ke kawasan pergunungan menggunakan kereta kabel juga mengambil masa yang agak lama untuk perjalanan naik dan turun. Walau bagaimanapun, bagi pengunjung yang menyukai pemandangan alam semula jadi yang menakjubkan, melawat gunung ini tetap menjanjikan pengalaman yang bernilai untuk diabadikan.

Keistimewaan Bursa

Penulisan kali ini berkisar tentang keistimewaan yang terdapat di Bursa. Bursa menjadi ibu kota kerajaan Uthmaniyyah setelah Sultan Orhan Ghazi (Orhan I) menakluknya daripada Byzantium pada tahun 1326, selepas




Bahagian dalam Yesil Camii.



Lorong paling sempit di Cumalikizik atau dikenali sebagai Cin Araligi.

Sogut. Selepas itu, bermula pada tahun 1365 hingga 1453, pusat pentadbiran kota ini telah berpindah pula ke Edirne.

Perjalanan menaiki van dari Istanbul mengambil masa lebih kurang dua jam dengan laluan lebuhraya bertol. Kali ini penulis mencari kelainan dengan menggabungkan perjalanan dengan dua pengangkutan yang berbeza. Separuh perjalanan dari Istanbul diteruskan dengan menaiki feri yang terletak di Izmit selama setengah jam. Terdapat pelbagai fasiliti yang disediakan kepada penumpang feri, termasuklah kafe dan tempat rehat. Penjual roti tradisional Turkiye, iaitu "simit" juga turut berniaga secara rawak di dalam feri. Mereka mencadangkan penumpang memberi burung-burung yang



Rumah di Cumalikizik.

menghampiri feri ferri makan roti tersebut sambil mengambil foto berlatarbelakangkan pemandangan indah ciptaan Allah SWT.

Penulis juga berpeluang menikmati teh atau lebih dikenali sebagai "cay" di dalam feri tersebut. Setelah perjalanan menggunakan feri berakhir, persembaraan diteruskan ke kedai jualan manisan yang terkenal di Bursa. Kedai ini menyediakan layanan eksklusif dan pembeli boleh mencuba produk yang ditawarkan secara percuma. Kita sedia maklum dengan kelazatan manisan Turkiye seperti Turkish *delights*, baklava, kunefe dan madu asli yang berkualiti tinggi. Selain itu, minyak zaitun perahan sejuk (*extra virgin*) dan buahnya yang dijerukkan turut menjadi pilihan jika sampai di Bursa. Perusahaan dan tanaman pokok zaitun yang subur juga dapat dilihat di sepanjang perjalanan ke kota Bursa.

Perkampungan Cumalikizik

Penulis dibawa ke perkampungan Uthmaniyah yang dikenali sebagai Cumalikizik dalam misi persembaraan di kota Bursa. Jarak Cumalikizik sekitar 10 kilometer dari pusat bandar Bursa. Perkampungan ini disenaraikan sebagai tapak warisan dunia oleh pihak Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2014. Perkataan "cuma" bermaksud "Jumaat" dalam bahasa Turkiye. Perkampungan ini mendapat nama ini kerana masyarakat dari


kampung sekitar datang ke situ untuk menunaikan solat Jumaat.

Sebelum ini, dikatakan terdapat 14 buah desa kizik. Namun begitu, kini hanya beberapa buah desa kizik yang masih wujud, iaitu Değirmenlikizik Fidyekizik,

mempunyai air mengalir jernih dan suasana nyaman pasti membuatkan sesiapa pun terpersona.

Di perkampungan Cumaklizik, terdapat satu laluan yang paling sempit yang dipanggil Cinaraligi. Perjalanan keseluruhan

Mencintai sejarah banyak memberikan manfaat kepada kita. Menerusi sejarah, kebenaran dapat dibuktikan menerusi kesan tinggalannya. Catatan dalam manuskrip lama disahkan dengan bukti yang dapat dilihat oleh masyarakat moden hari ini.



Kompleks Muradiye.

Derekizik, dan Hamamlikizik. Penulis sangat teruja dapat melihat rumah yang masih kekal dengan binaan asal yang wujud sejak lebih 700 ratus tahun dahulu. Menurut masyarakat tempatan, ada juga rumah yang hampir rosak tetapi telah dibaik pulih bagi memastikannya kekal untuk tatapan generasi akan datang. Terdapat 180 buah rumah yang masih teguh dan didiami oleh masyarakat tempatan ketika ini berbanding dengan 270 rumah yang wujud ketika era Uthmaniyah.

Kebanyakan penduduk kampung menjalankan perniagaan di hadapan rumah masing-masing. Ada yang menjual barangan kraf tangan, hasil tenunan dan menjadi pengusaha kedai makan yang menghidangkan makanan tradisional Turki Uthmaniyyah. Aktiviti ekonomi ini menjadi begitu rancak kerana ramai pelancong yang datang ke perkampungan ini. Pengunjung perlu menapak untuk melihat seluruh perkampungan yang laluan berbatu tidak sekata. Ada juga laluan yang

perkampungan ini sangat menggamit memori apatah lagi apabila disantuni oleh orang kampung yang juga peniaga yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Walaupun kebanyakan mereka tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris, namun proses komunikasi tidak menjadi halangan untuk pengunjung berbangsa asing berinteraksi dengan warga tempatan. Inilah keindahan ukhuwah. Hanya gelak ketawa mengiringi interaksi isyarat tangan dan proses jual beli yang akhirnya dapat diselesaikan dengan rasa gembira buat kedua-dua pihak.

Kebab Iskander

Setiap tempat pastinya mempunyai makanan istimewa atau tradisi yang menjadi kebanggaan masyarakat setempat. Jikalau ada rezeki sampai di Bursa, jangan lupa menikmati Iskander yang enak. Iskander ialah sejenis kebab, iaitu daging yang dihiris nipis-nipis dan dicampur roti pita, sos tomato serta yogurt. Makanan ini sebenarnya mengambil nama tukang masak terkenal, iaitu

Mehmetoğlu Iskender Efendi yang telah mencipta sepinggan kebab dengan menggunakan daging kambing segar dan bermutu tinggi pada tahun 1867. Lama-kelamaan makanan ini menjadi kesukaan masyarakat tempatan dan kemudian tersebar ke seluruh Turkiye. Oleh sebab Iskander berasaskan daging, minuman yang paling sesuai diminum ialah air yogurt atau “ayran” serta air mineral. Ketelitian dalam pemilihan daging dan penyediaan hidangan Iskander di Bursa amat berbeza dan tidak terdapat di tempat lain. Oleh itu, jangan lepaskan peluang tersebut apabila anda berada di Bursa!

Yesil Camii (Masjid Hijau) dan Ulu Camii (Masjid Ulu)

Yesil Camii telah dibina pada zaman pemerintahan Celebi Mehmet atau dikenali sebagai Sultan Mehmed I (1413-1421). Seperkara yang amat dikagumi di Turkiye ialah tinggalan warisan Islam yang hebat. Peluang menunaikan solat di masjid bersejarah dan berestetika tinggi menjadikan ziarah ini sarat dengan nilai pelajaran yang



bermakna. Masjid ini digelar sebagai “masjid hijau” kerana warna dalamannya yang kehijauan. Penulis menunaikan solat zuhur di sini. Keadaannya amat selesa kerana terdapat zon terpisah di kiri dan kanan masjid selain zon utama yang menempatkan ruangan imam dan khatib. Bahagian luar yang merangkumi kompleks masjid terdapat makam Sultan Mehmet I dan

ahli keluarganya. Binaan lain yang terdapat di sini juga ialah madrasah (sekolah), dapur dan *hamam* (tempat mandian Turkiye). Struktur kompleks yang menjadikan masjid sebagai titik pusat merupakan satu daripada strategi pentadbiran yang bijaksana oleh para pemerintah empayar Uthmaniyyah.

Penulis juga menziarahi Masjid Ulu yang dibina pada zaman pentadbiran Sultan Yildirim Beyazid I yang dibuka pada tahun 1399. Masjid ini mempunyai 20 kubah yang tersusun dalam empat baris dengan lima kubah di dalamnya. Kisah tersirat daripada pembinaan masjid ini adalah berkaitan dengan keteguhan mengotakan janji yang dibuat oleh Sultan Yildirim Beyazid I. Baginda mengatakan akan membina 20 masjid sekiranya menang dalam perang Nicopolis. Disebabkan faktor yang tidak dapat dielakkan, baginda tetap melunasi janjinya dengan membina Masjid Ulu dengan 20 buah kubah. Representasi tersebut amat bijaksana dan unik kerana terbinanya Masjid Ulu yang gagah dengan 20 buah

kubah. Selain itu, masjid ini juga mempunyai 12 tiang besar yang menghasilkan banyak ruang yang luas untuk beribadat, beriktikaf serta mendengar *tausiyah*. Ruangan wuduk di tengah-tengah masjid mempunyai air pancur yang terletak betul-betul di bawah kubah kaca.

Kompleks Muradiye dan Taman Tophane

Menjelang petang, penulis menuju ke destinasi terakhir sebelum kembali ke Istanbul, iaitu Kompleks Muradiye yang dibina oleh Sultan Murad II sekitar tahun 1426. Sultan Murad II memerintah empayar sebanyak dua fasa, iaitu pada tahun 1421 hingga 1444 dan kemudiannya pada tahun 1445 hingga 1451. Sepertimana Cumalikizik, kompleks ini juga tersenarai sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO pada tahun 2014. Kompleks ini mempunyai masjid, *hamam*, madrasah, dapur dan makam sultan dan kaum kerabatnya.

Sebelum mengakhiri perjalanan di Bursa, penulis berkunjung ke Taman Tophane yang menghidangkan pemandangan keseluruhan kota Bursa dari atas. Cuaca yang nyaman sambil menghirup “cay” sememangnya dapat mengembalikan kesegaran fizikal. Terdapat menara jam di dalam kawasan taman yang menjadi simbol kemegahan Bursa. Menara ini dibina pada tahun 1905 oleh Gabenor Mumtaz Raşid Paşa ketika meraikan ulang tahun ke-29 pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Selain itu, di taman inilah terletak makam pengasas empayar Uthmaniyyah, iaitu Osman I (Osman Gazi), dan anaknya, Orhan Gazi. Makam-makam itu terletak

bertentangan antara satu sama lain dan dibina pada abad ke-11. Penulis berkesempatan menziarahi makam ini dan menitipkan bacaan *al-Fatihah* buat pemimpin hebat yang telah berusaha menyebarkan dakwah ke seluruh jajahan takluknya. Inilah jihad agung yang menjadi asbab kalimah Allah SWT terus terpasak di muka bumi ini. Kepimpinan yang berlandaskan kitab Allah SWT pasti tidak pernah terpesong. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Anbiya'* ayat 73 yang bermaksud, “Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberikan zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.”

Mencintai sejarah banyak memberikan manfaat kepada kita. Menerusi sejarah, kebenaran dapat dibuktikan menerusi kesan tinggalannya. Catatan dalam manuskrip lama disahkan dengan bukti yang dapat dilihat oleh masyarakat moden hari ini. Penulis sangat teruja dengan keutuhan tinggalan penempatan Cumalikizik yang masih mengekalkan keaslian binaannya. Selain itu, kewujudan generasi yang masih mengekalkan tradisi nenek moyang mereka menjadikan perkampungan ini begitu istimewa. Kekalnya masjid-masjid sejak zaman pemerintahan empayar Uthmaniyyah dapat menjadi inspirasi menerusi seni bina yang menitikberatkan nilai iman dan Islam yang sentiasa terpatut dalam sanubari ummah. 🕌